



18 MAY, 2023

Pejabat Belia dan Sukan, DTTS, FAMA adakan mesyuarat

Utusan Sarawak, Malaysia



Pejabat Belia dan Sukan, DTTS, FAMA adakan mesyuarat

SARIKEI: Pihak Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Sarikei, Downtown Taman Selera (DTTS) Kampung Baru Seberang dan Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bahagian Sarikei mengadakan mesyuarat kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tertinggi DTTS, Allif Omar Yunus berkata, mesyuarat tersebut adalah bagi menyusun satu program yang bakal diadakan pada 22 Jun sehingga 24 Jun 2023.

Program tersebut bakal diadakan di pekarangan DTTS, Kompleks Sukan Integrasi dan juga Dewan Serbaguna Kampung Baru Seberang Sarikei.

"Pelbagai pengisian program telah disusun dengan penglibatan jabatan kerajaan dan juga badan bukan kerajaan (NGO) bakal memeriahkan acara sepanjang tiga hari berkenaan," katanya.

Allif berkata demikian ketika dihubungi pemberita, pagi semalam.

Tambahnya, beliau turut hadir pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Belia dan Sukan Bahagian Sarikei, Jamaika Marciano.

"Turut hadir sama di mesyuarat ini ialah Pegawai FAMA Bahagian Sarikei, Na'in Jobli dan Setiausaha DTTS, Azman Adris," ujarnya.

KENANGAN... Mesyuarat diadakan bagi menyusun satu program yang bakal diadakan pada 22 Jun hingga 24 Jun 2023 nanti.



18 MAY, 2023

Pejabat Belia dan Sukan, DTTS, FAMA adakan mesyuarat

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARIKEI: Pihak Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Sarikei, Downtown Taman Selera (DTTS) Kampung Baru Seberang dan Pejabat Lem-¹ baga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bahagian Sarikei mengadakan mesyuarat kelmarin. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tertinggi DTTS, Allif Omar Yunus berkata, mesyuarat tersebut adalah bagiyrienyusun satu program yang bakal diadakan pada 22 Jun sehingga 24 Jun 2023."Program tersebut bakal diadakan di pekarangan DTTS, Kompleks Sukan Integrasi dan juga Dewan Serbaguna Kampung Baru Seberang Sarikei.